

HADIAH SKIM KEMENANGAN

Pesaka hantar laporan lengkap

10 DEC 1987

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan (Pesaka) pasti menghantar laporan lengkap kepada Majlis Sukan Negara (MSN) diminta dipertimbangkan Hadiah Skim Kemenangan Sukan Negara untuk pesilat-pesilat negara yang memenangi pingat di Kejuaraan Silat Sedunia berakhir Isnin lalu.

B. Harian (M)
"Sama ada permohonan itu diluluskan atau sebaliknya, menjadi perkara kedua. Apa yang pasti ialah MSN perlu mengkaji permohonan kami supaya mereka diberi ganjaran sewajarnya selepas menaikkan imejnya negara di peringkat dunia," kata Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan.

Jika MSN mengakui kejuaraan itu setaraf kejohanan dunia yang lain, pesilat-pesilat kebangsaan yang memenangi pingat emas layak menerima \$80,000, perak \$40,000 dan gangsa \$20,000.

Pemenang pertama Hadiah Skim Kemenangan Negara dalam kejohanan bertaraf dunia ialah Razif dan Jalani Haji Sidek apabila menjadi naib johan Kejohanan Badminton Dunia di Beijing Mei lalu.

"Jika Razif dan Jalani layak menerima hadiah skim ini dalam kejohanan yang disertai oleh kira-kira tujuh negara, pesilat kebangsaan yang mengambil bahagian dalam Kejuaraan Silat Sedunia yang disertai 19 negara tidak harus diketepikan begitu sahaja," katanya.

Dalam Sukan SEA di Jakarta lalu, dua pesilat negara yang berjaya memenangi pingat emas menerima Hadiah Skim Kemenangan Negara \$1,500 seorang dan ia sekaligus membuktikan silat diterima oleh MSN sebagai sukan yang layak dipertimbangkan untuk menerima skim itu.

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF

"Masalah tangkap muat tidak timbul dalam kejuaraan ini kerana dalam sukan mempertahankan diri termasuk silat olahraga, tidak ada peserta yang berani turun ke gelanggang jika tidak bersedia.

"Adalah mengecewakan jika ada pihak yang memandangkan rendah kejuaraan ini, terutama mereka daripada negara asal pencak silat itu sendiri," ujarnya.

Malaysia memperolehi tiga pingat emas di kejuaraan dunia itu melalui Ahmad Wardi, Wan Aminuddin Baki Abu ba-

kar dan Ahmad Fauzi Othman yang masing-masing menumpaskan peserta Brunei, Indonesia dan Sepanyol. Manakala Mazlan Shaari turut mengutip pingat emas selepas menewaskan Andela dari Belanda dalam kejuaraan terbuka Kelas G.

Pemenang pingat perak ialah Abdul Razak Ismail, Mohd Rafiee Yaacob, Normala Yaakob dan Masliha Abu Bakar. Manakala pemenang pingat gangsa pula, Rashid Che Omar, Azam Abas, Mohamad Azizi, Ahmad Khusairi Ibrahim, Mohd Khairi Abdul Rahman, Zakri Ibrahim, Siti Anida Mahadi, Siti Azahariah Husin, Khadijah Salleh, Aswida Darus dan Zaleha Suradi.

AHMAD WARDI MAHU 'BALAS DENDAM'

AWAS JOKO!

11 DEC 1987

B. Harian (M)
WALAUPUN pingat emas yang menjadi idaman sudah diprolehi, Ahmad Wardi Salim, masih belum puas kerana tidak berpeluang 'membalas dendam' terhadap Joko Widodo, pesilat Indonesia yang dua kali mengalahkannya, lapor **ISNIN AMAN**.

Pesilat negara yang memenangi pingat emas Kelas B di Kejuaraan Silat Sedunia berakhir Isnin lalu itu, berkata dia akan terus mendalami muslihat silat supaya apabila bertemu Joko pada masa akan datang, azam membalas dendam akan termakbul.

"Saya akan berusaha lebih gigih lagi untuk meningkatkan mutu silat di Melaka dan di mana-mana saja dalam Malaysia," katanya di majlis meraikannya di Bandar Hilir kerana memenangi pingat emas di kejuaraan itu.

Dia tidak dapat menyembunyikan kehampaan apabila Joko yang bertanding dalam kelas sama, dibatalkan dalam pertarungan separuh akhir kerana bertindak kasar ke atas Faudilah Ahani dari Brunei yang sekaligus tidak memberi peluang mereka bertemu kali ketiga.

"Saya lebih rela kalah di tangan Joko kerana itu boleh memberi kepuasan hatinya yang selama ini begitu berhasrat untuk membalas dendam," jelasnya.

Joko yang mengalahkannya di kejuaraan dunia kedua di Jakarta — dan Sukan SEA Jakarta September lalu, memayangkan akan bersara daripada menyertai apa juga kejuaraan yang sekaligus menyempatkan impian Ahmad Wardi untuk membalas dendam.

"Kehadiran Joko di kejuaraan dunia Kuala Lumpur baru-baru ini semata-mata untuk bertemu saya selepas terbacalah laporan akhbar yang menyebut saya mahu membalas dendam.

"Saya sedih apabila dia dibatalkan. Dia juga mungkin berpandangan sama," katanya.

Sementara itu, Ahmad Wardi berharap Kerajaan Negeri dapat membantu Majlis Silat Negeri Melaka (MSNM) meningkatkan mutu silat di negeri itu.